# Warden perlu menjiwai sifat pengasih dampingi pelajar

**Peristiwa** pembantu warden atau penjaga asrama merotan pelajar menggunakan getah paip di sebuah pusat tahfiz seperti dilaporkan media massa menimbulkan tanda tanya apakah puncanya? Antara jawapan yang boleh dipertimbangkan ialah pelajar melakukan tindakan yang pada pandangan dan pemikiran penjaga asrama boleh menggagalkan hasrat yang mereka inginkan.

Apabila warden harap pelajarnya pulang awal, tetapi ada yang lewat akan mendorong mereka menjatuhkan hukuman kepada pelajar. Sekiranya pelajar menjawab teguran warden dengan meninggikan suara atau hanya berdiam diri akan menyebabkan warden mengenakan denda bercampur dengan emosi yang terganggu.

Ada warden menghukum tanpa mengikut garis panduan Kementerian Pendidikan kerana tidak mengikuti latihan guru secara rasmi terutama yang berkhidmat di sekolah swasta. Namun begitu, apa pun kemungkinan yang menyebabkan warden menghukum pelajar di luar batasan, mereka tidak wajar berbuat demikian.

## Jiwai sifat kasih, sayang terhadap pelajar

Menjiwai sifat mengasihi dan menyayangi pelajar perlu dikuasai oleh mereka yang diamanahkan sebagai warden. Menjiwai rasa kasih dan sayang terhadap pelajar bermaksud perasaan itu mesti dijadikan matlamat utama warden dalam proses pembelajaran dan pengajaran ataupun ketika berinteraksi dengan pelajar. Bagi pihak institusi pendidikan pula, perlu selidiki dahulu latar belakang pemohon yang ingin jadi warden.

Secara fitrah sememangnya setiap insan mempunyai perasaan kasih dan sayang, namun dalam konteks untuk menjiwai sepenuh hati perasaan tersebut kepada orang lain yang tiada hubungan biologi dan emosi, warden perlu belajar mengasihi dan menyayangi pelajar yang dijaga, apatah lagi bukan seorang tetapi ramai pelajar. Mereka juga pengganti kepada ayah dan ibu kepada pelajar ketika di asrama.

Kasihi dan sayangilah anak yang diamanahkan untuk dijaga ibarat anak sendiri. Warden perlu mengutamakan hukuman positif yang mendidik. Contohnya bagi pelajar yang tidak mematuhi peraturan menutup lampu pada waktu ditetapkan didenda dengan membersihkan kawasan asrama atau sekolah. Sangat menggalakkan sekiranya pada waktu itu warden boleh menyediakan makanan dan minuman kepada pelajar terbabit.

Warden perlu ada kaedah tangani cabaran pelajar kurang berdisiplin. Antaranya belajar mengenali dan mendekati pelajar di bawah jagaan mereka. Warden perlu berusaha mengenali pelajar menerusi rekod peribadi pelajar, berbual dengan mereka untuk menyelami masalah mereka dan sekiranya perlu hulurkan sumbangan kewangan kepada pelajar yang memerlukan.

Bagi guru yang juga pegang tugas sebagai warden dan pernah ikut latihan perguruan sama ada di Institut Pendidikan Guru (dahulu dikenali dengan Maktab Perguruan) dan Universiti Awam, ingatlah kembali betapa sifat mengasihi dan menyayangi pelajar ialah pun diajar kepada mahasiswa program pendidikan. Kursus Psikologi Pendidikan menekankan bahawa individu adalah berbeza termasuklah dari segi kecerdasan.

Sosiologi Pendidikan adalah kursus yang beri pendedahan bahawa manusia perlu mempunyai hubungan dengan manusia lain.

## Usah sisih pelajar bermasalah

Ilmu itu, perlu diingat, bukan sahaja pelajar perlukan warden, tetapi warden juga perlukan pelajar. Warden tidak boleh sisih pelajar walaupun pelajar bermasalah, malah adalah menjadi tanggungjawab warden mengambil berat dan menyayangi pelajar itu.

Warden boleh beri hadiah seperti buku rujukan kepada pelajar bermasalah. Pemberian hadiah walaupun kecil akan timbulkan rasa hormat pelajar kepada guru. Menerusi kaedah mendampingi pelajar dengan ikhlas adalah ganjaran positif terindah yang boleh ubah tingkah laku pelajar daripada negatif kepada positif dan tidak fokus kepada mendengar kata.

Bagi warden yang belum terima latihan secara formal atau agak lama tidak mengikuti sebarang kursus pengurusan, ikutilah kursus dalam cuti atau dalam perkhidmatan untuk tingkatkan kemahiran profesionalisme kerjaya warden. Peranan pengasih dan penyayang bukan sahaja fitrah, tetapi boleh dipelajari, warden, kasihi dan sayangilah pelajar di bawah jagaan dan tanggungjawab anda.

**Prof Dr Ahmad Esa,**
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)